

MAHATHIR-PERLEMBAGAAN

1983

MELAKA, 19 DIS, (BERNAMA)--DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD HARI INI MENEGUR PIHAK-PIHAK TERTENTU YANG CUBA MELAGAKAN RAJA DENGAN RAKYAT DENGAN MEMBUAT DAKWAAN KONONNYA KERAJAAN TERLALU BERTOLAK ANSUR DALAM MENYELESAIKAN ISU PINDAAN PERLEMBAGAAN SEHINGGA KEPENTINGAN RAKYAT DIKETEPIKAN.

PERDANA MENTERI MENSIFATKAN DAKWAAN ITU SENGAJA DILEMPARKAN OLEH ORANG-ORANG YANG CUBA MENANGGUK DI AIR KEROH TERMASUK SEBUAH AKHBAR TEMPATAN MEMANDANGKAN ISU ITU TELAH DISELESAIKAN DAN PINDAAN PERLEMBAGAAN TELAH PUN DITANDATANGANI OLEH TIMBALAN YANG DI-PERTUAN AGONG PADA 15 DISEMBER LALU.

BELIAU BERKATA FITNAH ITU DIBUAT DENGAN DUA TUJUAN IAITU SUPAYA BELIAU DICACI OLEH RAKYAT KERANA MENYERAH KALAH DAN JUGA INGIN MELIHAT BELIAU MEMBUAT PENJELASAN YANG KELAK BOLEH MEMBANGKITKAN KEMARAHAN PIHAK LAIN.

+JIKA SAYA MEMBUAT PENJELASAN SEBENARNYA,- PIHAK-PIHAK LAIN AKAN KECEWA DAN TENTU AKAN SEKALI LAGI MENIMBULKAN PERTELINGKAHAN YANG AKAN AKHIRNYA MEREKA YANG MENANGGUK DI AIR KEROH ITU AKAN MENDAPAT NIKMATNYA,+ TEGASNYA.

BELIAU BERKATA DEMIKIAN DI HADAPAN 80,000 ORANG PENDUDUK MELAKA YANG BERTUMPUN DI PADANG PAHLAWAN DI SINI UNTUK MENGUCAPKAN TAHNIAH KEPADA BELIAU KERANA BERJAYA MENYELESAIKAN ISU PINDAAN PERLEMBAGAAN.

--LAGI 1543/MD

MAHATHIR - PERLEMBAGAAN 2 MELAKA

DATUK SERI DR. MAHATHIR MENGAKUI PENYELESAI ITU DILAKUKAN SECARA KOMPROMI TETAPI TEGASNYA PRINSIP MEMPERTAHAKAN DEMOKRASI BERPARLIMEN DAN SUARA RAKYAT YANG DIPERJUANGKAN TIDAK +DIJUAL DENGAN MURAH+.

+KITA TIDAK MAHU BOLOT SEMUA TETAPI KITA TETAP BERPEGANG KEPADA PRINSIP KITA IAITU AKHIRNYA RAKYAT YANG MENENTUKAN PENTADBIRAN NEGARA.

+KITA CUMA GANTIKAN TEMPOH MASA MENDAPAT PERKENAN DIRAJA BAGI RANG UNDANG-UNDANG DENGAN MELANJUTKANNYA DARIPADA 15 HARI KEPADA 60 HARI SAHAJA DAN ANGKA ITU CUMA SEDIKIT.

+YANG LAIN-LAIN TIDAK DIPERSETUJUI SECARA BUTA TULI TETAPI ADA SYARAT-SYARATNYA. PERCAVALAH KITA TIDAK LEPASKAN KEPENTINGAN RAKYAT BEGITU SAHAJA,+ TAMBAH BELIAU DENGAN SAHUTAN +HIDUP MAHATHIR+.

PERDANA MENTERI MARAH DENGAN LAPORAN SEBUAH AKHBAR TEMPATAN KONONNYA WALAUPUN ISU PINDAAN PERLEMBAGAAN SUDAH SELESAI TETAPI ISU ITU AKAN DIJADIKAN SATU ISU DALAM KEMPEN BAGI PEMILIHAN PUCUK PIMPINAN UMNO PADA 25 MEI DEPAN. -- LAGI 1551/MD

MAHATHIR - PERLEMBAGAAN 3 MELAKA

AKHBAR ITU MENDAKWA INI RAMAI ANGGOTA UMNO TIDAK PUAS HATI DENGAN KERAJAAN KERANA TELAH BERUNDUR DARIPADA PENDIRIAN ASALNYA MENGENAI ISU PINDAAN ITU DENGAN MEMBUAT TERLALU BANYAK KOMPROMI.

PERDANA MENTERI YANG JUGA PRESIDEN UMNO BERPENDAPAT AKHBAR BERKENAAN SENGAJA MEMBANGKITKAN DAKWAAN ITU DENGAN HARAPAN UNTUK TERUS MENJUAL AKHBAR MEREKA.

APABILA PERHIMPUNAN MENJERIT : +TUTUP SAHAJA SURAT KHBAR ITU+, DATUK SERI DR. MAHATHIR MENGINGATKAN AKHBAR ITU JANGAN SALAH SANGKA OLEH SEBAB KERAJAAN BERSIKAP LIBERAL, KERAJAAN ADALAH LEMAH.

+KITA MEMBERIKAN KEBENARAN DAN KEBEBASAN KEPADA AKHBAR-AKHBAR TETAPI JANGAN SANGKA KITA BERLEMBUT ATAU KITA INI LEMAH+.

+KITA BOLEH TARIK APA YANG KITA TELAH BERI DAN AKHBAR ITU HENDAKLAH BERSIKAP SOPAN SIKIT DALAM PERKARA INI,+ TEGASNYA. --LAGI

MAHATHIR - PERLEMBAGAAN 4 MELAKA

BELIAU TIDAK MAHU ISU PINDAAN PERLEMBAGAAN ITU DIGUNAKAN UNTUK MEMECAHBELAHKAN HUBUNGAN BAIK ANTARA RAJA DENGAN RAKYAT DAN PUCUK PIMPINAN UMNO DENGAN ANGGOTA BIASA UMNO.

BELIAU MEMBERI AMARAN BAHAWA KERAJAAN AKAN ME'IGAMBIL TINDAKKAN SEWAJARNYA TERHADAP SESIAPA SAHAJA SAMADA DI DALAM ATAU LUAR NEGERI YANG CUBA MENIMBULKAN PERPECAHAN.

BELIAU PERCAYA TINDAKAN ITU AKAN MENDAPAT SOKONGAN RAKYAT SAMA SEPERTI SOKONGAN RAKYAT DALAM ISU PINDAAN KEPADA PERLEMBAGAAN NEGARA.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA ISU PINDAAN ITU BOLEH DISELESAIKAN LEBIH AWAL IAITU SEMASA NAIB PRESIDEN UMNO, ENCIK GHAFAR BABA MENGADAP RAJA-RAJA DI ISTANA BUKIT KAYANGAN PADA 20 NOVEMBER JIKA TIDAK KERANA ADA PETUALANG YANG MENGATAKAN PINDAAN ITU TIDAK MENDAPAT SOKONGAN SEBULAT SUARA RAKYAT.

+MEREKA MENGATAKAN KONONNYA UMNO BERBELAH BAGI, ADA YANG MENGATAKAN LAIN-LAIN PARTI BARISAN NASIONAL TERMASUK MIC DAN MCA TIDAK BERSETUJU DAN KONONNYA ORANG-ORANG CINA DAN INDIA TIDAK SETUJU PINDAAN-PINDAAN DIBUAT. --LAGI 1630/MD

MAHATHIR - PERLEMBAGAAN 5 MELAKA

PERDANA MENTERI JUGA MEMBIDAS MEREKA YANG MENGATAKAN KONONNYA PERHIMPUNAN YANG DIADAKAN UNTUK MENJELASKAN PINDAAN ITU TIDAK SECARA SUKARELA TETAPI DIPAKSA KONONNYA UNTUK MENGABUI MATA DUNIA.

APABILA MEREKA YANG BERTHIMPUN BERKATA : +BOHONG SEMUANYA. TUNJUKKAN MEREKA, + PERDANA MENTERI BERKATA +MEREKA INI TIDAK BERANI DATANG KERANA SAYA YAKIN KALAU DATANG SAYA LEPASKAN DI SINI DAN TENTU TINGGAL KAIN BURUK SAHAJA APABILA PULANG.+ --BERNAMA 1632/MD